



Bingkisan MENARA CONDONG

EDISI JANUARI - JUN 2021



FUN RIDE
@PENJAWAT AWAM
SEMPENA HARI TANPA KENDERAAN 2021
DAERAH HILIR PERAK & BAGAN DATUK



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19



Buletin ini diterbitkan oleh
**UNIT KOMUNITI DAN PERHUBUNGAN AWAM (PRO),
MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN**
Jalan Speedy, 36000 Teluk Intan



05-622 1299



05-621 5504



05-621 2446



mptelukintan



admin@mpti.gov.my



<http://www.mpti.gov.my>



Aduan Awam :
<http://mpti.spab.gov.my>



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

En. Ismail Bin Ibrahim, AMP.
Yang Dipertua

PENASIHAT

Pn. Ramdhatun Ajma Binti Jemail, PPT.
Setiausaha Perbandaran

EDITOR

En. Megat Amerudin Bin Megat Danian, PPT.
Ketua Bahagian Unit Komuniti Dan Perhubungan Awam(PRO)

PEREKA GRAFIK

Pn. Norazrin Binti Saian

AHLI JAWATANKUASA

En. Mohd Rizal Bin Hamid
En. Mohd Azmir Bin Ariffin
Pn. Nurul Hasni Binti Haji Muhamad
Pn. Azlina Binti Md Demyadi
En. Ahmad Fazree Bin Ahmad Fuzi
En. Mohd Ashraf Bin Hamidi
Pn. Zanariyah Bt Ismail
En. Muhammad Izzmir Bin Hj. Ramlan Ross
Pn. Siti Asmah Bt Jahir
Cik Raja Elina Afzan Bt Raja Indera Shah Peri
En. Mustafa Bin Mohd Saaduddin





Perutusan **YANG DIPERTUA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam MPTI Makmur Dan Harmoni.

Syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya juga kita dapat bertemu lagi dalam Bingkisan Menara Condong Bilangan 1/2021.


Dalam menyusuri suku pertama tahun 2021 ini, Majlis Perbandaran Teluk Intan tidak dapat lari daripada situasi pandemik yang terus melanda negara dan dunia, situasi mencabar ini sedikit sebanyak telah mengubah cara kerja dan sistem penyampaian perkhidmatan MPTI kepada orang ramai, jadual waktu kerja kakitangan telah berubah dan norma baharu Bekerja Dari Rumah (BDR) menjadi satu cabaran kepada seluruh anggota yang terlibat.

Sehubungan dengan itu, MPTI berusaha untuk mengadaptasi norma-norma baharu tersebut ke dalam sistem penyampaian perkhidmatannya dengan menambah baik perkhidmatan-perkhidmatan yang tertentu secara atas talian bagi memudahkan orang awam untuk berurusan dengan MPTI dengan menggunakan teknologi terkini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyarankan kepada seluruh warga kerja MPTI dan masyarakat untuk terus bersabar dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib dalam menjalani norma-norma baharu kehidupan yang perlu dilalui pada masa ini.



Sekian, terima kasih.



(ISMAIL BIN IBRAHIM, AMP.)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Teluk Intan



"Plogging" CLIMATE CHANGE

HARI TANPA KENDERAAN 2021
SEMPENA ULANGTAHUN MPTI KE-17



SABTU, 10 APRIL 2021, MPTI dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar telah mengadakan "Plogging" Climate Change Hari Tanpa Kenderaan 2021 Sempena Ulang Tahun MPTI Ke-17 dan Program Pengumpulan Buangan Elektrik (E-Waste).

Program ini bertujuan untuk memupuk kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar khususnya kepada penduduk di Daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk.

Program ini dirasmikan oleh YB. Dato' Mohd Azhar Bin Jamaluddin, ADUN Changkat Jong. Turut hadir sama Yang Dipertua MPTI, Tn. Ismail Bin Ibrahim, Pegawai Daerah Hilir Perak, Pegawai Belia dan Sukan Daerah Hilir Perak, Setiausaha MPTI, Pn. Ramdhatus Ajma Bt Jemail, Ketua Cawangan Alam Sekitar Teluk Intan, Pegawai Bomba dan Penyelamat Teluk Intan, Ahli-Ahli Majlis MPTI, Pengarah Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Unit MPTI dan Penghulu Mukim.





Majlis Anugerah PERKHIDMATAN CEMERLANG & TERAMPIL MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN TAHUN 2020

ISNIN, 29 MAC 2021, MPTI telah mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2020. Program ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada warga kerja yang telah menunjukkan prestasi kerja terbaik sepanjang tahun 2020. Perasmian program ini disempurnakan oleh YBrs Puan Nor Sham Binti Rahman, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak mewakili YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Turut hadir ialah YB Dato' Shahrol Zaman bin Yahya (Pengerusi Jawatankuasa Industri Pelaburan dan Pembangunan Koridor merangkap ADUN Rungkup, Pegawai Daerah Hilir Perak, YBrs Tuan Suaidi Bin Hj. Ismail, En. Ismail Bin Ibrahim, Yang Dipertua MPTI, Pn. Ramdhatun Ajma Bt Jemail, Setiausaha MPTI , Ahli-ahli Majlis, Pengarah, Ketua-ketua Jabatan dan Unit MPTI serta rakan-rakan media. Seramai 25 pegawai dan anggota yang telah menerima Anugerah APC serta 10 orang anggota bagi penerima Anugerah Terampil. Program ini turut meraikan 8 orang anggota MPTI yang telah bersara pada tahun 2021.



ANUGERAH PERKHIDMATAN APC CEMERLANG 2020



★ EN. MOHAMAD IZWAN BIN IBRAHIM ★
(PEGAWAI PENILAIAN)



★ EN. KHAIRUL HISYAM BIN YAHYA ★
(PENOLONG JURUTERA)



★ CIK ALIA SYAHIRAH BT AHMAD ★
(PEN. PEG. UNDANG-UNDANG)



★ PN. NUR FAEZZAH BT MOHD ILIAS ★
(PENOLONG AUDIT)



★ EN. BAHARIN BIN HUSAIN ★
(PEMBANTU TADBIR)



★ PN. KAMARIAH BT BAHARI ★
(PEMBANTU TADBIR)



★ NORUL HIKMAH BT ABDULLAH ★
(PEMBANTU TADBIR)



★ EN. MUHAMMAD NURUL AMIRUL
FIKRIAH BIN HAMIDI ★
(PEMBANTU PENGUATKUSA)



★ EN. MUHAMAT NAZRIN BIN RADULAN ★
(PEMBANTU TADBIR)



★ EN. ULUL 'AIZMI BIN WAGIMIN ★
(PEMBANTU OPERASI)



★ EN. KHAIROL NIZAM BIN
HAZIR MOHAMMED ★
(PEMBANTU OPERASI)



APC 2020



★ EN. ARAVINDH DEVAR A/L MARINAIDU
(PEMBANTU AWAM) ★



★ EN. ZAMRUL HAFIZI BIN AHMAD
(PEMANDU KENDERAAN) ★



★ EN. MUHAMMAD NADZRI BIN
MAT ALI
(PEN. PEG. UNDANG-UNDANG) ★



★ EN. SALEH BIN SABIDI
(PENGHANTAR NOTIS) ★



★ EN. MOHAMAD NOR IEZUAN
BIN MAHD MUSTAFA
(PEMBANTU AWAM) ★



★ EN. MOHD AMIRUL HISYAM
BIN BAKARUDIN
(PEMBANTU AWAM) ★



★ EN. KAMARIZAL BIN KASIM
(PEKERJA AWAM) ★



★ EN. ABDUL RAHIM BIN AYUB
(PEMBANTU AWAM) ★



★ EN. MOHAMAD FADZIL BIN SIRAJ
(PEMBANTU AWAM) ★



★ EN. AMIR BIN CHE MANSOR
(PEMBANTU AWAM) ★



★ EN. THIAGU A/L VALAYATHAM ★
(PEMBANTU AWAM)

APC 2020



★ EN. ROSLI BIN JALIAH
(PEMBANTU AWAM) ★



★ EN. NOR AZHAR BIN ABDUL KADIR
(PEMBANTU AWAM) ★



★ EN. MOHD HISHAM BIN
ABDULLAH
(PEMBANTU AWAM) ★



ANUGERAH PERKHIDMATAN TERAMPIL 2020

1. NOR ASMA HISHAM BIN ABDUL SAMAD
2. MUHAMMAD AZIM AMINUDIN B. MOHD ARIFFIN
3. MOHAMMAD AL AZIZ BIN JUNID
4. MUHAMAD FIRDAUS BIN AHMAD
5. ZAINUDDIN BIN ZAKERIAH
6. MUHD HAFIZUDDIN BIN AZHAR
7. NOR ROAINI ANUAR BIN MAT JAID
8. IBRAHIM BIN OTHMAN
9. MAT DANI BIN MOHAMAD
10. MOHD SAFARUDDIN BIN MOHD SHAFI



FUN RIDE @ PENJAWAT AWAM

SEMPENA HARI TANPA KENDERAAN 2021
DAERAH HILIR PERAK & BAGAN DATUK

SABTU, 09 JANUARI 2021,

MPTI telah mengadakan Program Fun Ride@Penjawat Awam Sempena Hari Tanpa Kenderaan 2021 Daerah Hilir Perak & Bagan Datuk. Penyertaan dibuka kepada Penjawat Awam di daerah ini. Sebanyak 250 orang yang telah menyertai program ini yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan. Program ini juga telah disertai oleh Exco Kerajaan Negeri Perak Merangkap ADUN Sungai Manik, YB Dato' Zainol Fadzi Bin Hj. Paharudin. Turut hadir sama ADUN Changkat Jong, YB Dato' Azhar Bin Jamaluddin, Yang Dipertua MPTI, En. Ismail Bin Ibrahim, Setiausaha MPTI, Pn. Ramdhatun Ajma Jemail, Ketua Whip Ahli Majlis MPTI, En. Ahmad Hilmi Bin Yunus serta Ketua-Ketua Jabatan MPTI dan Ketua-Ketua Jabatan Daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk.



FUN RIDE @ PENJAWAT AWAM

SEMPENA HARI TANPA KENDERAAN 2021

DAERAH HILIR PERAK & BAGAN DATUK

Majlis PENUTUP PROGRAM DAYUNGAN EKSPRESI NEGARAKU KAYAK SOLO WANITA 2020

AHAD, 03 JANUARI 2021: Bertempat di Arena Jeti Waterfront Bagan Datuk, telah diadakan satu Majlis Penutup Program Dayungan Ekspresi Negaraku Kayak Solo Wanita 2020. Majlis diadakan pada jam 10.00 pagi yang di sempurnakan oleh YB.Dato Shahrul Zaman Yahya,EXCO Industri Pelaburan & Pembangunan Kordinor Negeri Perak merangkup ADUN Rungkup.Turut hadir sama ke majlis Ybhg. Datin Seri Dr.Nomee Ashikin,Penaung Dayungan Ekspresi Negaraku Kayak Solo, En. Ismail Bin Ibrahim, Yang Dipertua MPTI, Ketua Penolong Pegawai Daerah Bagan Datuk,Ketua Penolong Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak dan ketua-ketua jabatan dan agensi di daerah Bagan Datuk.



Dayungan Kayak Solo Wanita ini dilakukan oleh Puan Nur Adila Binti Hasan yang berjaya menamatkan dayungannya sejauh 361.4km yang bermula dari Tasik banding, Gerik dan tamat di jeti Beting Beras Basah,Bagan Datuk dan lebih menarik lagi apabila dayungan sejauh ini telah direkodkan di Malaysia Book Of Record. Dayungan ini mengambil masa selama hampir 8 hari yang bermula pada 27 Dis 2020 dan berakhir pada 3 Jan 2021.



Ramadhan Bulan Penyucian Jiwa

SEMPENA ULANG TAHUN MPTI KE-17 TAHUN

ISNIN, 12 APRIL 2021: Sempena Ulang Tahun MPTI Ke-17, MPTI telah mengadakan program sempena menyambut bulan Ramadan yang bertajuk "Ramadhan Bulan Penyucian Jiwa" oleh penceramah bebas yang telah dijemput khas iaitu Dato' Ustaz Mohd Kazim Elias.

Turut hadir sama Yang Dipertua MPTI Tuan Ismail

Bin Ibrahim, Setiausaha
MPTI Pn. Ramdhatun Ajma
Bt Jemail, Pengurus
PUSPANITA Hilir Perak,
Ahli-Ahli Majlis MPTI, dan
Pengarah Jabatan/Ketua
Bahagian/Ketua Unit MPTI.



LAWATAN YAB MENTERI BESAR PERAK KE PUSAT BANJIR DI DAERAH HILIR PERAK

SELASA, 05 JANUARI 2021

YAB Menteri Besar Perak, Datuk Saarani Bin Mohamad telah mengadakan lawatan ke Pusat Pemindahan Mangsa Banjir di Daerah Hilir Perak. Turut mengiringi YAB MB Perak, Dato' Zainol Fadzi Bin Hj. Paharudin (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Usahawan dan Koperasi merangkup ADUN kawasan Sg. Manik), YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim, Yang Dipertua MPTI Tuan Ismail Bin Ibrahim dan



Ketua Jabatan Daerah. YAB MB Perak juga telah membuat lawatan di jalan runtuh - laluan A149 Jalan Besar Attaduri ke Chikus dan PPS di dalam Dun Sg Manik.



LAWATAN KERJA OLEH YB EXCO PERUMAHAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PELANCONGAN KE TELUK INTAN



AHAD, 05 JANUARI 2021 : Satu lawatan kerja telah diadakan oleh YB Dato' Nolee Ashilin Bt Dato' Mohd Radzi (Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri Perak) ke kawasan Bandar Teluk Intan.

Turut hadir sama YB. Terence Naidu (ADUN Pasir Bedamar), Yang Dipertua MPTI, Tuan Ismail Bin Ibrahim, Setiausaha MPTI, Pn. Ramdhatun Ajma Bt Jemail, CEO Maju Perak Holdings, Tourism Malaysia, Pengarah MOTAC, Wakil Unit Perancangan Ekonomi Negeri Perak (UPEN) dan Ketua-Ketua Jabatan MPTI.



MAJLIS BACAAN YASSIN, TAHLIL & TAZKIRAH MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN



AF USTAZ ABD MUHAIMIN MALEK.
PENGETUA, MAAHAD TAHFIZ AL QURAN WAL QIRAAAT ADDIN AIR KUNING KAMPAR

19 MAC 2021 (JUMAAT)

Keberangkatan D.Y.T.M RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN KE KAWASAN BANJIR DI DAERAH HILIR PERAK

SABTU, 09 JANUARI 2021 :

DYMM Tuanku Raja Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa, Raja Muda Perak telah mengadakan lawatan ke Pusat Pemindahan Sementara Banjir dan beberapa tempat yang terjejas akibat banjir di sekitar Daerah Hilir Perak.

Program yang diurussetiakan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Hilir Perak ini turut dihadiri oleh YB. Dato' Zainol Fadzi Bin Paharuddin (Exco Kerajaan Negeri Perak), En. Hizaz Bin Mohd Ibrahim, Ketua Penolong Pegawai Daerah, YB. Dato' Azhar Jamaluddin (ADUN Changkat Jong), Yang Dipertua MPTI, Tuan Ismail Bin Ibrahim, Jurutera Daerah JKR, Jurutera Daerah JPS, Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Pegawai Kesihatan Daerah Hilir Perak, Pegawai Kebajikan Masyarakat dan Pegawai Pertahanan Awam Daerah.



PENGGREDAN PREMIS MAKANAN



SELASA, 16 FEBRUARI 2021 :
MPTI telah melaksanakan Penggredan premis makanan didalam kawasan pentadbiran MPTI yang telah diketuai oleh PPKP En. Mohd Azmir Bin Ariffin dan dibantu oleh 3 anggota dari Bahagian Pelesenan. Sebanyak 5 buah premis yang telah dibuat penggredan premis makanan.



Turut hadir sama semasa operasi penggredan premis makanan ialah Setiausaha MPTI, Pn. Ramdhatun Ajma Bin Jemail.

PEMERIKSAAN PEMATUHAN SYARAT LESEN

RABU, 17 FEBRUARI 2021 :

Bahagian Pelesenan bersama Setiausaha MPTI Pn. Ramdhatun Ajma Bin Jemail telah mengadakan pemeriksaan pematuhan syarat lesen di lokasi Pasar Pagi Taman Indah Jaya Teluk Intan, Gerai Majlis Terbuka Taman Indah Jaya dan Gerai Taman Paruda. Pemeriksaan lesen tersebut diketuai oleh PPKP En. Fahmi dan dibantu oleh 2 anggota Bahagian Pelesenan.



MPTI Prihatin

PROGRAM

AHAD, 13 JUN 2021 : Pemeriksaan bekalan minyak masak & pematuhan SOP Akta 342 oleh YB Dato' Hj Rosol Wahid, Timbalan Menteri KPDNHEP telah diadakan di premis sekitar bandar Teluk Intan. Wakil pengurusan MPTI yang turut hadir semasa operasi tersebut adalah Setiausaha MPTI Pn. Ramdhatun Ajma Bt Jemail dan Ketua Bahagian Penguatkuasa En. Razali Bin Sabri.

Pemeriksaan ini adalah untuk melihat tahap pematuhan SOP PKP 3.0 dan penguatkuasaan akta-akta yang dikuatkuasakan oleh KPDNHEP. Tumpuan pemeriksaan juga dilakukan ke atas premis bagi mengetahui status bekalan dan harga barang kawalan seperti minyak masak, gula dan tepung gandum. Sebanyak 8 premis telah diperiksa dan mendapat tahap pematuhan terhadap SOP PKP 3.0 adalah baik.




PEMERIKSAAN BEKALAN MINYAK, MASAK & PEMATUHAN SOP OLEH TIMBALAN MENTERI KPDNHEP

KHAMIS, 24 JUN 2021 : Sebuah syarikat pemaju perumahan, Lagenda Properties Berhad telah menyumbangkan 100 kotak makanan kepada Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) untuk diagih kepada penduduk kategori miskin bandar dan yang ditimpa bencana di kawasan pentadbiran MPTI.

Penolong Pengurus Perhubungan Awam Lagenda Properties Berhad, Wan Zakiah Wan Yacob memaklumkan sumbangan itu adalah melalui anak syarikat, Taraf Nusantara Sdn. Bhd. yang juga merupakan pemaju projek perumahan Lagenda Teluk Intan.



SUMBANGAN 100 KOTAK MAKANAN BAGI PROGRAM MPTI PRIHATIN





DARI LENSA AHLI MAJLIS MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

PROGRAM AGIHAN BUBUR LAMBUK MPTI
ANJURAN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN,
MPTI & ANULAE PERAK SELATAN



PERHIMPUNAN BULANAN DAN "EKSEKUTIF TALK"
MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN



MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN ANAK YATIM & FAKIR MISKIN



SELASA, 23 MAC 2021: Majlis penyampaian bantuan anak yatim & fakir miskin telah diadakan di Masjid Melayu Teluk Intan.

Program tersebut telah dirasmikan oleh Orang Besar Jajahan Hilir Perak, Dato' Dr. Hj. Meor Redwan Mahyudin. Turut hadir Yang Dipertua MPTI En. Ismail Bin Ibrahim.







Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19

KEPENTINGAN VAKSINASI COVID-19



**Merangsang sistem
ketahanan semula jadi badan**



**Mengurangkan risiko
mendapat jangkitan virus
COVID-19**



**Mencapai tahap imuniti
berkelompok/ Herd Immunity**



LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA.



**PEMBAYARAN MELALUI APLIKASI
JomPAY**

SEWAAN

Biller Code **33415**



LESEN

Biller Code **52191**

**KOMPAUN
(Letak Kereta Sahaja)**

Biller Code **77982**

CUKAI TAKSIRAN

Biller Code **82719**

Langkah 1

- * Log masuk perbankan Internet
- * Pilih Bayar Bil > JomPAY

Langkah 2

Cari logo JomPAY dalam bil atau masukkan nombor Biller Code mengikut transaksi pilihan anda di sebelah:

- * Biller Code
- * Ref.1 > No. Akaun Cukai / No. Akaun Sewaan/ No. Lesen Perniagaan / No. Kompaun Letak Kereta
- * Ref. 2 > No. Telefon
- * Jumlah Bayaran

Langkah 3

- * Selesaikan bayaran anda dan simpan dalam "Favourites" untuk pembayaran di masa hadapan